

04 MAY 2001

Uniten-Cawangan

UNITEN PENJANA EKONOMI DI PAHANG TENGGARA

MUADZAM SHAH, 4 Mei (Bernama) -- Perasmian kampus Universiti Tenaga Nasional (Uniten) cawangan Muadzam Shah dapat menjana pelbagai bidang, termasuk pendidikan dan ekonomi di wilayah Pahang Tenggara, kata Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini.

Beliau berkata dengan kedudukannya yang strategik di tengah-tengah negeri Pahang, penubuhan cawangan itu menepati suasana berfaedah kepada semua sama ada kepada kerajaan negeri, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan juga masyarakat setempat.

"Kerajaan negeri mengalu-alukan penubuhan cawangan ini dan bersedia membantu di mana yang perlu termasuk memberikan tapak yang tetap dan sesuai," katanya pada perasmian Uniten cawangan Muadzam Shah di sini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi persidangan video.

Uniten kampus Muadzam Shah itu pada asalnya adalah pejabat Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) yang dirasmikan oleh Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah pada 30 Okt 1987 dan dikenali sebagai "Wisma Sultan Ahmad Shah".

Selepas DARA dibubarkan pada tahun lepas, bangunan itu diambil alih oleh TNB untuk dijadikan kampus cawangan Uniten yang akan memulakan pengambilan pelajar pada 24 Jun ini iaitu seramai 360 orang dan dijangka meningkat kepada 3,000 orang dalam masa lima tahun.

Sebagai permulaan, kampus Muadzam Shah akan menumpukan kepada program pengurusan perniagaan dan perakaunan dengan menawarkan kursus di peringkat sarjana muda dan diploma.

Semasa persidangan video, Adnan merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan pusat kerana membenarkan TNB membuka kampus cawangan Uniten di Muadzam Shah.

Beliau berkata kerajaan negeri berharap agar Muadzam Shah dapat muncul sebagai bandar pendidikan memandangkan di sini sudah ada sebuah sekolah menengah teknik, sekolah menengah agama, sekolah menengah biasa dan Maktab Rendah Sains Mara.

-- BERNAMA

ROS AKD